

Membina Kapasiti dan Memperkukuhkan Tindakan Komuniti untuk Pembangunan Mampan



Dikumpulkan oleh : Chan Kah Chi Disunting oleh : T. Indrani

ERA
CONSUMER
MALAYSIA

Diterbitkan oleh:

Persatuan Pendidikan dan
Penyelidikan untuk Pengguna
Malaysia



Dengan kerjasama:

Jaringan Pembangunan
Mampan (SUSDEN)
Malaysia

Chan Kah Chi adalah pekerja sepenuh masa di Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna, Malaysia (ERA Consumer). Beliau mempunyai Sarjana Muda dalam Bioindustry yang meliputi pemakanan, pertanian dan pembangunan mampan.

.....

T. Indrani adalah Setiausaha Agung bagi ERA Consumer. Beliau mempunyai pengalaman perundangan dan pengalaman yang luas dalam mengendalikan isu-isu yang berkaitan dengan pengguna seperti pemakanan dan pertanian yang berkaitan dengan perdagangan liberisasi.

Membina Kapasiti dan Memperkukuhkan Tindakan Komuniti untuk Pembangunan Mampan

Kandungan

Pengenalan	2
Contoh Kajian Inisiatif Pembangunan Mampan	3
Analisis kajian kes lima rakan kongsi	5
APENDIKS	
Kajian Kes 1 ▪ Titi Eco Farm Resort	8
Kajian Kes 2 ▪ Tzu Chi Merits Society	11
Kajian Kes 3 ▪ Petaling Jaya Community Centre	16
Kajian Kes 4 ▪ Taman Pertanian	21
Kajian Kes 5 ▪ The Yee Bio-Farm	24
Kajian Kes 6 ▪ Organic Network	28
Kajian Kes 7 ▪ Sungai Serai Integrated Farming	31
Kajian Kes 8 ▪ Credit Union Promotion Club Malaysia	36



Diterbitkan oleh

ERA CONSUMER MALAYSIA

[Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna, Malaysia]



dengan kerjasama

**Jaringan Pembangunan Mampan
(SUSDEN) Malaysia**

Pengenalan

Jaringan Pembangunan Mampan (SUSDEN) Malaysia, dengan tujuh rangkaiannya – Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna (ERA Consumer) dan Ecological Council of Denmark (ECD) yang disokong oleh Danish Cooperation for Environmental and Development (DANCED), telah membangunkan satu projek yang sangat inovatif dan kreatif untuk mengukuhkan semangat bermasyarakat bagi mempromosikan pembangunan mampan. Pada masa yang sama projek itu juga menguatkan kapasiti SUSDEN untuk mengeratkan rangkaian perhubungan di antara ahli kumpulan kerja bagi mempromosikan pembangunan sedemikian.

Idea untuk projek ini timbul setelah menganalisis aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh komuniti dan organisasi yang dipilih merujuk kepada peranan yang dilakukan berdasarkan kepada kajian kes yang spesifik.

ERA Consumer Malaysia menjalankan kajian terhadap lapan organisasi di bahagian tengah Semenanjung Malaysia. Kajian ini dijalankan selama satu bulan untuk mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh setiap organisasi dalam melaksanakan pembangunan mampan di negara ini.

ERA Consumer berharap untuk menyumbang terhadap pembangunan mampan yang berpusat kepada masyarakat. Ini dapat dilaksanakan melalui kesedaran yang dibina terhadap aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat tersebut.

Adalah menjadi harapan kami pendedahan ini dapat membantu organisasi atau komuniti berkenaan untuk membina kapasiti dalam menggalakkan konsep pembangunan mampan di negara ini.

Kajian Kes Inisiatif Pembangunan Mampan

Kajian kes dan asas permulaan

Setiap organisasi yang terlibat telah diarahkan untuk menjalankan kajian kes dan penilaian untuk mengenalpasti setiap peranan yang dimainkan untuk mempromosikan pembangunan mampan. Setiap organisasi telah membentangkan asas permulaan kajian kes mereka.

Kajian kes dan asas permulaan adalah berdasarkan kepada pemahaman biasa dengan apa yang terkandung dalam pembangunan mampan. Definisi ini telah dipersetujui bersama di dalam satu bengkel persediaan yang telah diadakan pada Jun 2001. Aktiviti-aktiviti berikut telah diterima sebagai aktiviti yang mempromosikan pembangunan secara mampan.

- Mempromosikan sifat kebiasaan seseorang warganegara.
- Menyokong perbezaan kaum, agama dan budaya.
- Memastikan kesejahteraan dan kebahagiaan komuniti.

Ringkasan kajian kes yang dijalankan di ERA Consumer Malaysia.

1. Petaling Jaya Community Centre (PJCC)

Aktiviti-aktiviti

- Mempromosikan program di peringkat komuniti.
- Menggunakan sumber tenaga orang dewasa dan belia.
- Menganjurkan beberapa program, aktiviti dan isu yang berkaitan dengan persekitaran.
- Menggalakkan masyarakat mengurangkan, mengguna semula dan kitar semula bahan buangan pepejal – meningkatkan kesedaran alam sekitar dan memastikan kemampanan alam sekitar dalam tempoh masa yang panjang.

Aspek Kemampanan

- Mengukur tahap kesedaran sivik di kalangan komuniti untuk memastikan keadilan diamalkan di dalam komuniti tersebut.

2. Rangkaian Organik

Aktiviti-aktiviti

- Memasak dan membekalkan bahan-bahan organik yang dihasilkan dari ladang-ladang.

Aspek Kemampanan

- Mempromosikan pengambilan dan penerimaan makanan organik untuk kesihatan yang lebih baik dan persekitaran yang terpelihara.

3. Tzu Chi Merit Society

Aktiviti-aktiviti

- Kitar semula dan penggunaan semula bahan buangan berbentuk pepejal.

Aspek Kemampanan

- Mempromosikan pemuliharaan alam sekitar.
- Mempromosikan semangat kejiranan yang kuat.

4. Shah Alam Agriculture Park / Taman Pertanian

Aktiviti-aktiviti

- Merupakan sebuah pusat pameran tetap bagi persekitaran dan peningkatan dalam agrikultur di dalam negara.
- Sebuah universiti terbuka dengan dua peranan iaitu rekreasi dan pendidikan.

5. Yee Bio Farm

Aktiviti-aktiviti

- Membuat perladangan semula jadi (sistem perladangan ekologi) dengan menggunakan sistem mikroorganisma.

Aspek Kemampanan

- Kaedah perladangan organik, termasuk kesuburan tanah, kaedah kawalan serangga tanpa kimia, perladangan mampan dan kualiti makanan.

6. Eco Farm Resort

Aktiviti-aktiviti

- Menawarkan peluang untuk menjadi sebahagian daripada tren pergerakan organik atau pergerakan agrikultur mampan dengan menyediakan makanan organik.

Aspek Kemampanan

- Tanaman bebas daripada serangga dan baja kimia.
- Mempromosikan pemuliharaan persekitaran.

7. Credit Union

Aktiviti-aktiviti

- Menyediakan kredit dan input modal untuk membantu masyarakat, terutamanya kawasan pedalaman, terlibat dalam usaha mengenerasi pendapatan dan amalan kehidupan mampan.

Aspek Kemampanan

- Meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial bagi ahli lelaki dan perempuan dan secara tidak langsung menyumbang kepada ekuiti yang lebih banyak dalam bekalan pendapatan.

8. Intergrated farming system of plant and animal production in Sungai Serai

Aktiviti-aktiviti

- Mengekalkan tahap ekonomi operasi perladangan dan meningkatkan kualiti kehidupan petani.

Aspek Kemampanan

- Meningkatkan kualiti persekitaran.

Analisis kajian kes lima rakan kongsi

Peserta bersama-sama dengan juru runding dan 2 orang sumber, berkongsi idea untuk mengenal pasti arah perhubungan komuniti atau organisasi, pengenalan mereka dan respon kepada pembangunan untuk masa hadapan. Dari asas permulaan dan analisis, lima jenis respon dan watak berjaya dikenalpasti.

Pertama ialah respon reaktif dan sokongan yang diberikan oleh ahli persatuan sivil yang berkenaan dalam memeriksa lesen yang diberi oleh pembangunan ke atas persekitaran. Seperti 'Selamatkan Sungai Kuantan' dan 'Aktiviti Kumpulan Penjagaan Danga Bay'. Ini adalah contoh respon reaktif dan sokongan yang diberikan oleh ahli persatuan sivil dan organisasi mereka. Terdapat banyak aktiviti sedemikian di Malaysia. Walaupun kebanyakan NGO terlibat dalam kerja-kerja sokongan yang tidak diambil peduli oleh generasi sekarang dan akan datang, kerajaan dan agensi-agensi selalu memandang mereka (NGO) sebagai kumpulan anti-pembangunan. Mereka selalu dituduh tidak memahami isu-isu pembangunan dan hanya mengambil berat tentang perlindungan dan penjagaan alam sekitar. Kumpulan-kumpulan ini jarang mendapat sokongan dari sumber dalaman mahu pun luaran.

Kedua adalah respon proaktif yang meringankan peranan yang dimainkan oleh organisasi persatuan sivil untuk membantu menyelamatkan apa yang boleh diselamatkan. Organisasi seperti World Wide Fund for Nature (WWF), Wetlands International, Malaysian Nature Society dan lain-lain organisasi yang ditubuhkan kebanyakannya di dalam konteks rekabentuk pembangunan nasional oleh kerajaan dan kawasan yang berpotensi untuk menyimpan dan mereka bekerjasama dengan kerajaan dan komuniti untuk meringankan atau mengurangkan kerosakan besar.

Ketiga ialah mobilisasi sosial, kesedaran dan pendidikan respon kepada perubahan individu begitu juga sifat dan pembawakan kumpulan yang mana boleh diterima sebagai boleh direka menjadi persatuan dan menyumbang kepada paten pembangunan dan polisi yang mampan. Kumpulan seperti persatuan pengguna dan beberapa agensi kerajaan terlibat secara aktif dalam kempen kesedaran dan program pendidikan. Mereka melihat pembentukan kesedaran dan pendidikan sebagai pelaburan jangka panjang yang akan menjanjikan pembangunan yang mampan.

Tren keempat ialah respon untuk mengubah dasar ekonomi dari pendekatan kawalan pasaran berpusat kepada pendekatan sensitif terhadap budaya manusia. Kawalan pasaran secara berpusat memberi lebih banyak kesan negatif dan

keburukan. Sebagai contoh, jika semua orang di dunia ini menyukai burger, tabiat pemakanan ini akan memerlukan kawasan yang besar untuk memproses daging, di Argentina dan gandum di Kanada. Corak penggunaan yang sama hanya diperoleh melalui satu budaya. Satu budaya mampu memusnahkan kepelbagaian serta merosakkan kestabilan budaya dan komuniti. Kesamaan adalah hanya untuk keuntungan dan kemusnahan.

Mempelbagaikan sumber pemakanan adalah cara yang terbaik untuk mengawal jaminan makanan dan menjaga spesies biologi. Kepelbagaian dalam paten penggunaan dan sifat budaya memerlukan penanaman dan penggunaan pelbagai jenis makanan, tumbuhan, pokok-pokok dan fiber untuk kehidupan. Kepelbagaian mempromosi kemampanan penggunaan sumber dan penjagaan persekitaran. Kebanyakan kajian kes menunjukkan bagaimana komuniti tempatan mengamalkan pertanian mampan, pengeluaran dan sistem kehidupan.

Kelima ialah respon terhadap hubungan pengurusan dan tanggungjawab sosial serta peranan penjagaan untuk barangan biasa. Bertanggungjawab secara sosial dan mengambil berat tentang barangan biasa melibatkan promosi keadilan sosial, kemampanan ekologi dan perkongsian. Kualiti ini masih lazim di kalangan kebanyakan ahli persatuan sivik. Malah inisiatif dan tindakan komuniti didorong oleh respon-respon ini. Jika akan terjadi sebarang perubahan berkenaan pembangunan mampan, respon-respon ini harus digerakkan dan dikembangkan untuk membina satu masa kritikal yang diperlukan untuk memenuhi objektif dan aspirasi pembangunan sebegini.

APENDIKS

Kajian Kes 1

Gambaran Kajian – The Titi Eco Farm Resort, Negeri Sembilan

Titi Eco Farm Resort menawarkan peluang kepada orang awam untuk menyertai kegiatan perladangan organik atau pertanian mampan serta dapat menikmati buah-buahan dan sayur-sayuran organik. Organisasi juga berkongsi idea dengan masyarakat mengenai perladangan organik, isu-isu persekitaran dan lain-lain.

Maklumat tentang Eco Farm

Misi Titi Eco Farm Resort adalah untuk mempromosikan badan dan minda yang sihat. Resort ladang yang sunyi, selesa dan bebas dari bahan kimia ialah tempat yang paling sesuai untuk berehat, latihan proaktif Qi Gong dan menikmati buah-buahan organik. Mereka cuba mempromosi gaya hidup ringkas, lebih sihat dan bahagia di resort mesra alam ini.

Titi Eco Farm Resort ini terletak 330 meter dari paras laut. Udaranya lebih sejuk, nyaman dan bersih. Dikelilingi bukit-bukau hijau yang memukau pandangan, ia adalah kawasan perkampungan yang sesuai untuk beristirahat dan bebas dari kesibukan kehidupan di kota. Mempunyai 20 ekar kawasan yang dipenuhi dengan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran organik, kolam ikan dan kawasan perkelahan sebagai tempat berehat.

Pengunjung dibenarkan memancing ikan yang dipelihara dengan makanan organik di sini. Di sini juga terdapat denai-denai di antara ladang untuk pengunjung berjalan atau bersenam.

Kanak-kanak yang menyukai aktiviti luar boleh membawa peralatan perkhemahan sendiri untuk mendapatkan pengalaman yang pasti tidak dapat dilupakan. Pada sebelah malam pula, pengunjung boleh keluar ke kawasan tasik untuk melihat bintang atau kelip-kelip.

Penginapan di resort ini direka mengikut rumah-rumah kampung tradisional yang diperbuat dari papan dan atap. Ia juga merupakan resort pertama di Malaysia yang mempunyai sistem solar.


Sebuah perpustakaan kecil dilengkapi dengan buku-buku dan majalah-majalah berkenaan dengan topik-topik seperti pembangunan mampan, ekologi, alam semula jadi, kesihatan dan teknologi alternatif juga disediakan di resort ini.

Penggalakan Perladangan Organik

Perladangan organik atau pertanian mampaan telah diterima oleh seluruh dunia pada hari ni, atas sebab kesihatan dan persekitaran. Di Malaysia, Titi Eco Farm Resort menawarkan masyarakat peluang untuk menjadi sebahagian dari arus seluruh dunia dalam penggunaan buah-buahan dan sayur-sayuran organik. Buah-buahan dan sayur-sayuran Eco Farm yang ditanam di kawasan perkampungan Titi di Negeri Sembilan adalah bebas daripada serangga dan baja kimia.

Resort ini memberi penekanan kepada cara untuk mendapatkan tanah yang baik dan pada masa yang sama, mengekalkan persekitaran yang sihat dan harmoni dengan cara membuat baja organik sendiri untuk ladang. Ini bagi memastikan sayur-sayuran dan buah-buahan yang dihasilkan berkualiti tinggi. Kitar tanaman dan tanaman campuran diamalkan dan satu habitat untuk serangga pengawal semula jadi juga diwujudkan. Ini supaya kawalan ke atas haiwan serangga dan penyakit wujud secara semula jadi di kawasan ladang.

Pelbagai produk organik dibekalkan secara terus kepada pelanggan tetap resort ini. Resort ini mengalu-alukan pandangan daripada pengunjung mengenai perladangan organik dan penjagaan persekitaran. Pengunjung digalakkan memeriksa ladang supaya mereka percaya akan ketulenan komitmen yang diberikan oleh resort ini terhadap perladangan organik.



Eco Farm juga membekalkan sayur-sayuran organik ke Petaling Jaya, Selangor. Sayur-sayuran dan buah-buahan dipetik pada setiap pagi Isnin, Rabu dan Jumaat dan kemudian dihantar ke pusat bekalan di Petaling Jaya, Selangor.

Analisis SWOT

Kekuatan (Strength)

- Jenis percutian mesra Eco (Eco-friendly).
- Percutian berinformasi dan mampan diperkenalkan kepada masyarakat.
- Mempromosikan perlindungan alam sekitar.

Kelemahan (Weaknesses)

- Sektor perniagaan tidak berminat untuk menyediakan kemudahan seperti ini kerana pada masa ini permintaan pasaran adalah rendah.
- Kos pemuliharaan adalah tinggi berbanding aktiviti pelancongan yang lain.
- Tidak semua orang berminat dengan percutian sebegini kerana gaya hidup sekarang menggalakkan percutian mewah.

Peluang (Opportunities)

- Boleh diperkenalkan di negeri-negeri lain di Malaysia.
- Merupakan satu tindakan yang cemerlang untuk membuat pembangunan mampan/ pertanian mampan dalam sektor awam dan swasta.

Ancaman (Threats)

- Jika tidak diuruskan dengan baik, ia akan menjadi satu ancaman terhadap persekitaran.
- Sektor perniagaan mementingkan keuntungan dan tidak mengambil berat tentang perkara lain. Jadi aktiviti ini mungkin akan menyebabkan kemusnahan dalam jangka masa panjang.

Kajian Kes 2

Gambaran kajian – Tzu Chi Merits Society

Pada 14 April 1996, Master Cheng Yen bersama 30 pengikut, kebanyakannya suri rumah telah menubuhkan Tzu Chi Merits Society di Hualien, Taiwan. Kumpulan ini menyimpan 35 sen sehari daripada duit perbelanjaan mereka bagi menubuhkan satu tabung kebajikan bertujuan membantu golongan miskin.



Sepanjang 5 tahun pertama, persatuan ini telah membantu 31 orang tua dan orang miskin daripada 15 buah keluarga. Semakin hari semakin ramai orang menyertai program ini dan pertubuhan ini menjadi semakin kukuh. Ia merebak ke seluruh Taiwan, termasuk pulau-pulau berdekatan.

Hari ini, cawangan-cawangan Tzu Chi telah ditubuhkan di seluruh Taiwan dan negara lain termasuk Jepun, Hong Kong, Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, Laos, Vietnam, Australia, New Zealand, Afrika Selatan, England, Austria, Canada, Brazil, Argentina, Paraguay dan Lesotho.

Objektif Tzu Chi: Menghormati kehidupan, mengambil berat tentang semua orang, kesucian minda, pertubuhan yang aman dan dunia yang bebas daripada kemusnahan.

Prinsip Tzu Chi: Baik hati, suka memberi, membantu orang miskin dan mendidik orang kaya.

Semangat Tzu Chi: Ikhlas, integriti, kebolehpercayaan dan jujur.

Kepercayaan: Hidup berlandaskan satu agama, hidup untuk semua.

Misi Tzu Chi: Apabila menjelang tahun ke 35 kewujudannya, pertubuhan ini mengatakan setiap jalan yang telah diperkenalkan persatuan ini telah diisi dengan kasih sayang oleh ahlinya. Misi persatuan ini ialah mewujudkan rangkaian kasih sayang universal. Ahli bekerja berdasarkan misi kebajikan, perubatan, pendidikan dan semangat keikhlasan, integriti, kepercayaan dan kejujuran. Kepercayaan kesamarataan pada semua ditanam di dalam diri setiap individu. Melalui kebajikan,

orang kaya mendapat restu dan keseronokan manakala orang miskin akan memperoleh keselamatan dan keamanan.

Dengan kasih sayang, keseronokan dan pemberian ikhlas, ahli-ahli Tzu Chi dapat membawa Tzu Chi ke arah dunia sebenar melalui bantuan terhadap yang memerlukan, memberi keseronokan dan menghindar kesengsaraan. Mereka menjemput semua individu yang berilmu untuk memberi restu dan membina satu persatuan kasih sayang.

Pertimbangan Pemampanan

Aktiviti-aktiviti/ Misi Tzu Chi:

Misi Kebajikan – membantu yang miskin dan mendidik yang kaya

Misi termasuk:

- Bantuan kewangan jangka panjang kepada keluarga berpendapatan rendah.
- Bantuan bahan atau beras jangka panjang kepada keluarga berpendapatan rendah.
- Bantuan pendapatan untuk membeli ubat-ubatan.
- Bantuan perubatan.
- Pertolongan kemusnahan/bencana.
- Bantuan pengkebumian untuk golongan miskin dan tanpa saudara-mara.

Pada setiap penghujung tahun, sebagai tambahan kepada bantuan kewangan biasa, Tzu Chi juga memberikan wang sebagai hadiah tahun baru, bekalan untuk musim cuti dan pakaian baru untuk musim sejuk. Pada hari yang sama, ahli-ahli Tzu Chi juga menyediakan hidangan sayur-sayuran untuk golongan miskin. Ramai orang kaya melibatkan diri dalam misi ini dan berpeluang untuk memberi kasih sayang. Ahli juga mengunjungi rumah orang-orang tua, penjara dan asrama untuk orang cacat, sekali atau dua kali sebulan.

Kebajikan luar negara

Cawangan Tzu Chi di luar negara juga mengamalkan aktiviti-aktiviti kebajikan yang sama seperti di Taiwan, termasuk penjagaan jangka panjang, mengedarkan makanan dan *'sleeping bags'* untuk pengemis dan rumah kebajikan, asrama kejururawatan dan institusi orang kurang upaya. Mereka juga menyediakan pertolongan untuk mangsa banjir kilat, ribut taufan dan gempa bumi. Penerima



bantuan dari luar negara adalah orang Cina, Caucasians, Afrika, India Timur dan kumpulan etnik yang lain.

Kebajikan di Taiwan

Pada masa kini, lebih daripada 10,000 orang menerima bantuan Tzu Chi, membabitkan derma bulanan melebihi 10 juta dollar Taiwan. Apabila satu tangan bertindak, seribu tangan akan mengikut. Ahli Tzu Chi memberi bantuan segera kepada mangsa taufan, kebakaran, kemalangan kenderaan bermotor dan bencana-bencana lain. Selepas kajian terperinci, mereka yang tidak dapat kembali ke keadaan asal dalam masa terdekat akan dimasukkan ke dalam senarai program penerima pertolongan jangka panjang. Pada bulan ogos 1996 apabila Taufan Herb melanda Taiwan selama seminggu, 10,000 ahli Tzu Chi dan sukarelawan bertanggungjawab menyediakan pertolongan. Mereka melalui bukit-bukau, sungai dan juga kawasan pekan dan bandar untuk meninjau keadaan kemusnahan, mengagihkan makanan dan duit perubatan, membersihkan jalan dan sebagainya. Ahli-ahli Tzu Chi juga menyumbangkan khidmat mereka kepada organisasi sosial dan komuniti seperti hospital, rumah pesara askar, rumah orang-orang tua, rumah orang terencat akal dan penjara.

Kebajikan di Tanah Besar China

Pada 1991, kawasan timur dan tengah China mengalami banjir yang terbesar pada abad itu. Ahli Tzu Chi buat pertama kalinya menggunakan prinsip tepat, keutamaan untuk dan membekalkan perubatan kepada kawasan Anhwei, Jiangsu dan Henan. Semenjak wujudnya hubungan dengan masyarakat di Tanah Besar, Tzu Ci juga berkembang ke Guangdong, Guangxi, Liaoning, Jiangxi, Hubei, Qinghai, Hebei, Fujian, Chejiang dan Guizhou. Tzu Chi memberi bantuan berupa makanan, pakaian, biji benih dan derma pertolongan, bantuan membina kediaman, sekolah, rumah orang-orang tua dan balai raya.

Misi Budaya – untuk mencari kebenaran, kebaikan dan keindahan

Semua derma yang diperolehi untuk misi ini menumpukan kepada kebaikan dan kasih sayang dengan satu sasaran untuk mempromosikan keharmonian sosial dan untuk menstimulasi serta membersihkan minda. Ahli berusaha menggembirakan semua orang dan mempercayai penjagaan bumi untuk generasi akan datang. Pemuliharaan persekitaran dipromosikan. Antara aktiviti yang sedang dijalankan adalah mementingkan konsep ‘menghargai apa yang kita ada’, kitar semula bahan buangan, penanaman pokok dan pembersihan alam sekitar.

Melindungi alam sekitar – mengenal pasti, menghargai dan membina semula impian yang baik.

Tzu Chi telah bergiat aktif dalam usaha melindungi alam sekitar. Secara purata sebanyak 275,000 tan kertas, tin aluminium dan tin besi dikutip setiap bulan

bagi tujuan kitar semula. Kertas yang dikutip adalah bersamaan dengan 30,000 batang pokok sebulan. Semua yang diperolehi dari kitar semula digunakan untuk membantu orang lain. Dengan semangat 'menghargai restu yang diperolehi', kempen menanam lebih banyak pokok dilancarkan, disamping membersihkan bukit-bukau, taman rekreasi, sumber air dan pantai. Dengan usaha memulihara alam sekitar, hati dan minda mereka juga akan menjadi suci.

Sukarelawan Komuniti – untuk mempromosikan semangat kejiwaan.

Tzu Chi mengajar masyarakat mengenai perlindungan dan penghargaan alam sekitar, menjaga warga tua, membantu di hospital dan kerja-kerja komuniti yang lain. Kumpulan ini juga menguruskan pelbagai aktiviti budaya bertujuan mempromosikan kehidupan yang sihat sekaligus mengelakkan jenayah.

Misi Perubatan – menghapuskan masalah yang menyebabkan kebuluran.

Dalam sebuah kampung kecil, seorang lelaki duduk di sebalik pintu yang separa terbuka dan mengeluh. Di hadapan katil, isterinya duduk tanpa sebarang reaksi sambil melihat sekumpulan kanak-kanak sedang berlari-lari. Terdapat beberapa kesengsaraan yang dapat digambarkan dalam senario ini. Jika ketua rumah secara tiba-tiba meninggal dunia, beban untuk menjaga keluarga akan jatuh ke bahu isteri dan anak-anak pula tidak dapat menyambung pelajaran yang sempurna. Pelbagai masalah sosial akan wujud pada masa hadapan. Tidak guna menyedari bahawa penyakit akan mengakibatkan kebuluran dan kebuluran akan menyebabkan penyakit. Kedua-duanya berhubungkait dalam satu kitaran yang mana tidak akan memberi kita sebarang jalan penyelesaian.

Bagi menyelesaikan masalah kebuluran dan dengan harapan dapat mengekalkan semangat Buddhisme, Tzu Chi membina satu tapak pembinaan bagi mewujudkan satu hospital. Semenjak itu, lebih banyak hospital dibina terutamanya di kawasan-kawasan yang belum membangun dan tidak mempunyai kemudahan perubatan. Satu kumpulan perubatan akan masuk ke kawasan pedalaman untuk memberi perkhidmatan perubatan. Setiap minggu hospital menganjurkan klinik-klinik percuma, mengembangkan perkhidmatan penjagaan rumah, pendidikan kesihatan dan mewujudkan perpustakaan.

Misi Pendidikan

Kolej kejururawatan dan kolej perubatan ditubuhkan bertujuan menghasilkan jururawat-jururawat yang baik hati dan berdedikasi. Untuk kolej perubatan, ia ingin melahirkan doktor-doktor yang berkemahiran, berpengetahuan dan bekerja dengan bersungguh-sungguhnya. Pada masa hadapan, Tzu Chi juga akan membina tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Adalah sangat jelas bahawa pendidikan Tzu Chi, melahirkan nilai-nilai kemanusiaan dan pakar-pakar profesional, telah menjadi satu model dalam pendidikan.

Sasaran utama Tzu Chi ialah untuk membantu golongan yang kurang upaya supaya menjadi seorang yang berdikari. Tzu Chi mempercayai bahawa manusia sepatutnya berupaya mempunyai kemuliaan.

Analisis SWOT

Kekuatan (Strengths)

- Semua program menekankan kepada perikemanusiaan yang semakin berkurang dalam komuniti kita.
- Perlindungan ke atas alam sekitar telah menjadi aktiviti kebangsaan dan kebanyakan orang melibatkan diri untuk mempromosikan konsep 'hargai apa yang kita ada'.
- Aktiviti-aktiviti ini memastikan kesejahteraan komuniti.
- Boleh diaplikasi/diterima oleh mana-mana komuniti.

Kelemahan (Weaknesses)

- Komuniti di kota kurang berminat dalam kerja-kerja sukarela seperti ini.
- Penggunaan yang kurang sesuai oleh sesetengah pengikut.

Peluang (Opportunities)

- Kesedaran tentang perlindungan alam sekitar boleh diajar kepada semua peringkat komuniti melalui aktiviti-aktiviti misi kebudayaan.
- Aktiviti-aktiviti ini dianjurkan bagi mempromosi kesamarataan hak jantina dan perkongsian.
- Akta-akta ini menyokong kepelbagaian kaum, agama dan budaya.
- Mereka meningkatkan kesedaran sosial.
- Mereka mempromosi kebaikan untuk semua.

Ancaman (Threats)

- Mungkin menghadapi kesulitan dari segi politik membabitkan aktiviti-aktiviti tertentu persatuan.
- Usaha yang lebih diperlukan bagi mempromosikan pembabitan komuniti kerana orang lebih berminat melibatkan diri dalam bidang yang akan memberikan keuntungan.

Kajian Kes 3

Gambaran kes – Petaling Jaya Community Centre (PJCC)

PJCC terletak di seksyen 17, Petaling Jaya, Selangor ditubuhkan dengan harapan untuk mempromosikan program pada tahap komuniti. Pusat ini menggunakan sumber warga tua dan belia demi kebaikan semua penduduk. Pusat ini menganjurkan program-program, aktiviti-aktiviti dan acara-acara dan juga menganjurkan aktiviti yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar.

Di antara program PJCC adalah:

- **Jualan Lelong**

Satu jualan lelong diadakan pada hari Ahad pertama setiap bulan. Barangan yang dilelong adalah dermaan dari masyarakat awam. Semua hasil dari jualan ini digunakan untuk aktiviti kebajikan yang lain. Barangan yang dilelong termasuklah lukisan, kad telefon, setem, duit syiling, perabot, barangan isi rumah, barangan elektrik, alatan serbaguna dan barang perhiasan.

- **Pasar lambak**

Pasar ini diadakan setiap hari Ahad di Amcorp Mall, Petaling Jaya dan The Summit di Subang Jaya bagi mendapatkan wang tambahan yang boleh digunakan untuk komuniti. Pasar Lambak menjual hampir semua jenis barangan, dari alat permainan hingga alat perhiasan, pakaian hingga kasut. Kebanyakannya barangan ini adalah barangan terpakai yang didermakan ke pusat kitar semula yang masih dalam keadaan baik dan boleh diguna semula.

- **Hari Kesedaran Kesihatan**

Program ini diadakan pada hari Ahad ketiga setiap bulan yang bertujuan untuk mempromosikan kesedaran tentang kepentingan kesihatan di kalangan masyarakat tempatan.

- **Program Makanan Robin**

Program ini memberi peluang kepada warga tua yang berusia 60 tahun ke atas untuk mendapatkan makanan pada harga istimewa di hotel-hotel dan restoran-restoran. Ini



adalah untuk memastikan warga tua berpeluang untuk menikmati makanan berkhasiat pada harga yang berpatutan dan pada masa yang sama, mendapat peluang untuk bersosial dengan orang lain. Perkhidmatan ini merupakan satu penghargaan dan sumbangan oleh persatuan untuk warga tua. Program ini juga memberi peluang dan pilihan untuk warga tua terus menyertai aktiviti dalam masyarakat secara aktif. Kegembiraan untuk menikmati kebebasan, penyertaan, penjagaan, kepuasan dan maruah diri, sejajar dengan United Nations Principles for Older Persons, dapat diperolehi melalui sumbangan oleh banyak kumpulan dalam persatuan.

▪ **Program Kesihatan Robin**

Program yang sedang dijalankan ini melibatkan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan swasta dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan dan menggalakkan semua orang menyemai dan mengamalkan penjagaan kesihatan. Satu siri perbincangan awam dan pameran telah diadakan. Pada masa yang sama, pelbagai pusat kesihatan komuniti akan dibina, dengan berfokus kepada program untuk warga tua. Hospital swasta, makmal, farmasi dan sektor awam adalah digalakkan untuk menyumbangkan wang tunai, atau sumber tenaga dan peralatan, untuk menyokong aktiviti-aktiviti ini.

PJCC menjalankan aktiviti-aktiviti:

▪ **Pendidikan**

1. Kelas Bahasa Mandarin (kanak-kanak dan orang dewasa)
2. Kelas Bahasa Inggeris (kanak-kanak dan orang dewasa)
3. Kelas Bahasa Malaysia (kanak-kanak dan orang dewasa)
4. Kelas Bahasa Jepun
5. Matematik
6. Fizik
7. Seni (kanak-kanak dan orang dewasa)
8. Kelas komputer

▪ **Fizikal**

1. Kelas Taichi
2. Kelas Waitankung
3. Ping-pong (termasuk jurulatih)
4. Badminton (termasuk jurulatih)
5. Bola sepak
6. Kelas tarian



▪ **Sosial, Rekreasi dan lain-lain**

1. Kelab untuk belia
2. Malam Persahabatan
3. Pertunjukan video
4. Sesi karaoke
5. Bantuan membuat surat permohonan kerja
6. Gotong-royong (kempen pembersihan)
7. Kumpulan permainan kanak-kanak
8. Kelas menyanyi
9. Sarapan pagi
10. Kelab botani

Untuk melindungi alam sekitar, satu inisiatif telah mula melibatkan badan-badan kerajaan, bukan kerajaan, organisasi swasta, individu dan komuniti untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar. Objektif adalah untuk melibatkan semua organisasi dan memastikan pemampanan alam sekitar pada jangka masa yang panjang. Fokus bagi program ini ialah menggalakkan masyarakat untuk mengurangkan, mengguna semula dan kitar semula bahan buangan yang berbentuk pepejal. PJCC menerima semua barangan yang boleh diperbaiki, diguna semula, kitar semula atau dijual semula / didermakan secara terus untuk kegunaan rumah kebajikan, sekolah atau lain-lain orang yang memerlukan.

Sejarah, Falsafah dan Prospek masa hadapan PJCC

Universiti Malaya dan Komuniti Rukun Tetangga di Seksyen 17 Petaling Jaya menubuhkan satu pusat komuniti induk di seksyen 17. Sasaran utama bagi pusat ini ialah untuk mempromosikan pemampanan diri dan program yang sedang dijalankan di komuniti untuk menggunakan bakat dan sumber warga tua, terutamanya bagi mereka yang telah bersara dan mempunyai banyak masa lapang.

Warga tua adalah digalakkan untuk bekerjasama dengan golongan muda supaya dapat memberi faedah kepada semua. Penekanan diberi ke atas program-program berteraskan tindakan seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan, sosial, budaya, sukan dan aktiviti serta perkhidmatan rekreasi. Pusat komuniti ialah satu projek induk yang diterapkan sebagai sebahagian dari projek penyelidikan IRPA yang sedang dijalankan, 'Socio-economic Support and Community Services for the Elderly in Malaysia', yang dianjurkan oleh Prof. Dr Tan Poo Chang dan kumpulan penyelidikannya dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Malaya, dengan kerjasama dari organisasi kerajaan dan bukan kerajaan. Projek dilancarkan pada September 1996.

Banci Kebangsaan 1991 menunjukkan terdapat 1.5 juta orang berusia 55 tahun ke atas di dalam negara ini. Menjelang tahun 2000, angka ini dijangka meningkat hingga 2.1 juta iaitu lebih kurang 9.3% populasi di Malaysia. Dengan itu, satu skop dalam penggunaan bakat dan kebolehan warga tua dalam menjayakan program pembangunan sosial di peringkat tempatan.

Walaupun warga tua mempunyai masa, pengetahuan, pengalaman dan tenaga, tapi sumber ini jarang digunakan. Dengan itu, pusat komuniti telah ditubuhkan untuk mencungkil bakat dan kebolehan mereka ini untuk membantu orang lain dalam komuniti. Pusat komuniti bertindak sebagai pusat pengurusan untuk membantu mengenalpasti kumpulan sasaran dan memberi respon kepada keperluan kumpulan orang-orang kurang upaya melalui tindakan secara langsung atau sebagai tempat rujukan.

Pusat komuniti juga bertindak sebagai pusat sumber untuk ahli keluarga bagi memenuhi keperluan sosial, rekreasi dan ekonomi. Jika perlu, satu kumpulan bantuan krisis kekeluargaan akan membuat lawatan dari rumah ke rumah untuk membantu mereka yang tidak upaya meninggalkan rumah, dan pusat komuniti ini akan menjadi tempat rujukan untuk keluarga yang tidak mempunyai tempat lain untuk bergantung harap.

Sasaran komuniti ini adalah untuk mempromosikan penglibatan kejiwaan bagi membawa kohesi sosial dan perpaduan di kalangan penduduk. Pusat ini diuruskan oleh komuniti yang bekerja di Komuniti Rukun Tetangga Seksyen 17. Dana yang dikumpul digunakan untuk merancang dan mengurus program, aktiviti dan kerja kebajikan akan datang. PJCC juga menggalakkan penubuhan pusat-pusat yang serupa di kawasan-kawasan kediaman yang lain di negara ini.

Falsafah

1. Pertahankan Rukunegara.
2. Menyumbang kepada keharmonian, kebajikan dan kestabilan persatuan di peringkat komuniti dan juga di dunia.
3. Pertahankan prinsip etika, berkhidmat untuk komuniti bagi semua aspek (mental, fizikal dan rohani) melalui kepelbagaian komuniti dan projek kebajikan dan program pendidikan seperti:-
 - Bertanggungjawab, boleh diharapkan dan terus-terang.
 - Mengembalikan alam sekitar ke keadaan asal dan memeliharanya. Mengekalkan kebersihan persekitaran bagi generasi masa hadapan.
 - Menanam perasaan sayang kepada flora dan fauna dan untuk memastikan tiada spesies yang akan luput pada masa akan datang.

- Berusaha memupuk kesedaran sivik di kalangan ahli-ahli komuniti dan untuk memastikan keadilan diamalkan di dalam komuniti tersebut.

Prospek Masa Hadapan

Terdapat perancangan untuk inisiatif lain. Usaha dijalankan untuk menubuhkan bengkel untuk memperbaiki pelbagai barangan yang telah didermakan oleh orang ramai. Perbincangan juga diadakan dalam usaha untuk menubuhkan pusat aktiviti untuk kebaikan komuniti, sebagai contoh, menyediakan komputer dan kemudahan internet. Juga terdapat juga perancangan untuk membina kedai-kedai dan perniagaan yang mesra alam.

Analisis SWOT

Kekuatan (Strength)

- Mempromosikan kebaikan bersama.
- Menyokong kepelbagaian bangsa dan kebudayaan.
- Memastikan kesejahteraan komuniti.
- Melindungi alam sekitar.
- Meningkatkan kesedaran sosial.

Kelemahan (Weaknesses)

- Masyarakat masih kurang berminat dengan aktiviti PJCC.
- Aktiviti kurang berfokus kepada belia.

Peluang (Opportunities)

- Melibatkan segenap lapisan masyarakat komuniti.
- Mempunyai peluang untuk mempromosikan kesamarataan hak jantina dan keadilan sosial.
- Memotivasikan penglibatan rakyat pelbagai umur dan kaum.
- Mempunyai potensi untuk menjadi pusat yang memberi pengetahuan.
- Boleh menjadi tempat masyarakat dapat menggunakan masa mereka dengan berguna, terutamanya golongan belia.

Ancaman (Threats)

- Kekurangan sukarelawan untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti.
- Kebenaran dari pihak penguatkuasa diperlukan bagi sesetengah aktiviti yang ingin dianjurkan.
- Terdapat kurang minat dengan PJCC jika ia diteruskan dengan aktiviti yang sama sahaja pada jangka masa panjang.

Kajian Kes 4

Gambaran kes – Taman Pertanian

Taman Pertanian merupakan taman pertama dan satu-satunya taman pertanian perhutanan di dalam dunia. Ia diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian pada tahun 1987, taman ini merupakan pusat untuk mempamerkan pelbagai kaedah pertanian yang ditemui di negara ini. Perancang mempunyai ide untuk membuatkan ia satu universiti terbuka (*open-air university*), yang dapat dijadikan tempat pendidikan dan rekreasi.

Objektif utama taman berukuran 1,295 hektar ini ialah untuk menjadi pusat pameran kekal untuk pembangunan dan perubahan dalam pertanian di negara ini. Ia juga diharap dapat bertindak sebagai pusat rujukan dan penyelidikan untuk pelbagai lapangan dalam pertanian seperti perladangan, penternakan haiwan dan pembiakan ikan. Adalah menjadi harapan yang taman ini bakal menjadi inspirasi untuk pembangunan sektor pertanian negara ini.

Keindahan dan keunikan telah memberi ide kepada kementerian untuk membukanya kepada awam supaya mereka dapat mengkagumi dengan kekayaan pertanian kebangsaan. Respon dari masyarakat amat menggalakkan dan hari ini, taman ini telah menjadi tumpuan pelancong asing. Lebih banyak tempat penarikan akan dibangunkan di bawah pelan induk untuk taman ini.

Latarbelakang

Taman Pertanian telah dirasmikan oleh Menteri Pertanian, Tan Sri Sanusi Junid, pada 1987. Jabatan Saliran dan Perparitan, merupakan agensi yang mempunyai kepakaran teknikal, telah menubuhkan satu unit sosial untuk membantu kementerian menukarkan 847 hektar yang kini dikenali sebagai Hutan Simpan Bukit Cherakah kepada sebuah taman pertanian. Kawasan taman tersebut kemudian dibesarkan sehingga 1,321 hektar.

Ia terletak di sempadan negeri Selangor, Shah Alam. Taman ini ialah tempat untuk pencinta alam semulajadi. Struktur taman ini direka secara berintegrasikan dengan alam



semulajadi dan untuk itu, hanya bahan semulajadi digunakan. Cabaran terbesar adalah untuk menjayakan struktur ini dengan mengurangkan kadar kemusnahan kepada persekitaran.

Pertimbangan Pemampanan

Taman pertanian ini menawarkan pemandangan senario sebenar pertanian dalam negara ini: penanaman kelapa sawit, sawah padi, pokok-pokok getah, pokok-pokok kelapa dan pokok buah-buahan. Ia juga merupakan taman pertanian terbesar di dunia dengan lanskap taman flora yang kompleks, plot-plot pertanian, taman bunga, tasik dan hutan simpan.

Di sini juga terdapat berbagai-bagai spesies burung dan haiwan. Antaranya ialah burung raja udang, merak, tiung, tupai dan monyet. Haiwan-haiwan ini akan mengkagumkan para pengunjung semasa mereka melakukan aktiviti seperti aktiviti pemburuan makanan dan aktiviti mengawan.

Sebagai tambahan, penternakan kuda padi yang dapat menawarkan tunggangan pada harga yang berpatutan merupakan aktiviti yang paling digemari oleh kanak-kanak. Tarikan lain di sini termasuklah 2 empangan pertanian, tasik untuk memancing, rumah iklim, jambatan gantung serta taman burung dan taman safari.



Satu pusat penyelidikan untuk kajian cendawan dibina untuk mereka yang mahu mengetahui lebih lanjut mengenai kitar hayat dan pertumbuhan spesies kulat. Terdapat pelbagai jenis cendawan yang boleh dimakan dan juga yang beracun di Malaysia. Semua ini dibiakkan di dalam jar-jar atau ditanam di dalam taman berbaja.

Berdekatan dengan ladang ini terdapat sebuah menara yang membolehkan para pengunjung menikmati pemandangan keseluruhan Bukit Cahaya. Antara pemandangan yang benar-benar menarik adalah Taman Eden dan Tasik Teratai yang terletak di antara Taman Bonsai.

Para pengunjung juga dapat menikmati suasana iklim 4 musim. Taman ini juga menawarkan kemudahan seperti perkhidmatan bas dan juga penyewaan basikal.

Berbasikal menaiki bukit di taman yang juga dikenali sebagai Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam, dikelilingi oleh pokok-pokok yang tinggi dan tasik yang indah, pasti akan memberi pengalaman yang menarik.

Analisis SWOT

Kekuatan (Strengths)

- Mempunyai 2 tujuan rekreasi dan pendidikan.
- Melindungi alam sekitar.
- Menjanjikan kesejahteraan komuniti dengan menyediakan tempat percutian yang murah/berpatutan.

Kelemahan (Weaknesses)

- Berbanding dengan beberapa tempat bercuti atau rekreasi lain dalam negara ini, taman ini tidak dapat menarik minat ramai pengunjung.
- Pemeliharaan yang lemah.
- Kekurangan aktiviti-aktiviti baru yang meyeronokkan dan dapat menarik minat para pengunjung.

Peluang (Opportunities)

- Menyediakan ide dan inspirasi tentang pembangunan sektor pertanian di negara ini.
- Boleh dipromosikan lebih jauh tentang pertanian perhutanan di negara ini.

Ancaman (Threats)

- Kos pemeliharaan adalah tinggi.
- Kawasan yang luas diperlukan untuk taman ini. Jika ia tidak diuruskan dengan baik ia akan menjadi sia-sia.

Kajian Kes 5

Gambaran kes – Yee Bio-Farm

Yee Bio-Farm membuat pertanian semulajadi dengan menggunakan sistem mikroorganisme. Pertanian semulajadi ialah satu sistem pertanian ekologi yang berasaskan sistem argonomik. Ia merupakan kaedah predomnan dan kaedah pertanian organik di Jepun dan ia mendapat pengiktirafan di seluruh dunia terhadap kualiti makanannya, kesuburan tanah, kaedah kawalan serangga perosak dan pengurusan pertanian mampan yang diamalkan.

Sistem keberkesanan mikroorganisme (EM) merupakan satu kaedah dalam pertanian semulajadi. Ia merupakan satu siri pengurusan humus untuk semua sistem pertanian organik seperti perlindungan tuaian, pembajaan hijau, penggunaan alat pertanian khas seperti penyodok dan cangkul, mengurangkan bercucuk tanam, sungkup, melindungi baki tanaman, baja, menyuntik mikrobio, menggores, sistem pembuangan dan sistem pengeluaran sayur-sayuran. EM boleh digunakan secara berasingan dengan pertanian semulajadi, dengan cara konvensional atau pertanian organik dan pertanian semulajadi boleh dijalankan dengan penggunaan atau tanpa penggunaan EM. Keputusan ini adalah berdasarkan penggunaan kaedah atau produk yang akan bergantung kepada keadaan tempatan dan objektif pengurusan pertanian.

Sejarah

Ng Chen Yee, pemilik Bio-Farm, menguruskan ladangnya menggunakan sistem pertanian ekologi yang utama di Jepun. Eco-label atau pertanian semulajadi adalah sangat terkenal di kalangan pengguna Jepun yang ingin membeli sayur-sayuran dan buah-buahan yang bebas dari racun serangga perosak. Baru-



baru ini, US telah memberi perhatian kepada pertanian semulajadi terutama penekanan terhadap kesuburan tanah, kualiti makanan dan remedi mikrobio bahan buangan harian. Pertanian semulajadi ialah sistem pertanian yang pertama dianjurkan dalam tahun 1935 oleh Mokichi Okada (1982 – 1955), ahli falsafah Jepun dan penganjur kesihatan suci, sebagai satu alternatif untuk pertanian kimia.

Pertimbangan Mampan

Pertanian semulajadi berhubungkait dengan pertanian organik dalam pelbagai cara. Kedua-dua kaedah ini menggunakan kualiti tanah sebagai langkah asas untuk mendapatkan tanaman yang baik. Perkara yang membezakan pertanian semulajadi dari sistem pertanian organik yang lain ialah ketulenan falsafah dan baru-baru ini, penggunaan mikroorganisme sebagai satu kaedah untuk mempromosikan tanah yang subur dan produktif secara organik.

Penggunaan pertanian semulajadi, penggunaan kaedah keberkesanan organisma adalah untuk membangunkan budaya yang istimewa untuk mikroorganisma yang berguna dan digunakan untuk mendapatkan tanah yang subur, mengelakkan bau busuk dan menjadikan baki makanan sebagai baja iaitu sebagai sebahagian dari sistem pencucian.

Pertanian semulajadi mempunyai 5 kriteria:

- Mesti menghasilkan makanan berkualiti tinggi yang dapat meningkatkan kesihatan manusia.
- Mesti memberi manfaat kerohanian dan ekonomi kepada petani dan pengguna.
- Ia mesti mampan dan senang digunakan.
- Ia mesti semulajadi dan melindungi persekitaran.
- Ia mesti berupaya untuk menghasilkan makanan yang dapat memenuhi keperluan populasi dunia.

Yee Bio-Farm mempunyai 4 matlamat:

1. Membangunkan daya cipta, produktif dan tanah yang subur tanpa menggunakan apa-apa baja tiruan;
2. Pengeluaran bijirin, buah-buahan dan sayur-sayuran yang sedap;
3. Mendapatkan makanan yang lebih berzat dan kurang toksik sekaligus dapat menjamin kesihatan yang baik kepada manusia; dan
4. Meminimumkan kehadiran serangga perosak.

Empat prinsip Yee Bio-Farm berkuatkuasa terhadap:

- Tiada pemeliharaan.
- Tiada baja kimia atau baja tiruan.
- Tiada perumpaan atau bercucuk tanam atau meracun.
- Tidak bergantung kepada kimia.

Keberkesanan mikroorganisme untuk persekitaran mampan dan kehidupan sihat EM boleh diaplikasikan dengan pelbagai cara untuk mewujudkan satu persekitaran yang baik dan kehidupan yang sihat.

Dalam Pertanian dan Perladangan

- Perladangan organik berasaskan baja EM dan sistem pengairan yang menggunakan EM-diluted dapat menghasilkan tanaman yang lebih sihat, kaya dengan nutrien.
- Ayam yang diberi makanan yang diproses secara EM membesar dengan sihat dan telurnya mengandungi nutrien yang lebih baik. Kulit telur juga tidak mudah pecah kerana ia sihat.
- Anak lembu yang diberi EM membesar dengan sihat. Bahan buangan yang dibuat baja juga kurang berbau dan boleh dikitar seperti baja organik. Ayam juga tidak memerlukan antibiotik atau hormon untuk membuat mereka gemuk dan bebas dari penyakit.

Di Rumah

- Membuat baja dari sampah-sarap dapur.
- Menyembur EM pada permaidani menjauhkan kuman dan bilik juga menjadi kurang berhabuk.
- Dengan menyembur EM pada haiwan peliharaan dapat menjauhkan kutu dan lalat serta memusnahkan bau. Dengan menambah beberapa titik EM dalam minuman mereka akan membuat mereka sihat dan bahan kumuhan juga kurang mengeluarkan bau busuk.
- Menyembur EM pada lantai dapur akan membuatkan ia bersih dan berkilat.
- Menambah EM ke dalam mesin pembasuh kain boleh mengurangkan penggunaan sabun pencuci dan membuat kain lebih lembut selepas bilasan dan cepat kering.
- Menyembur EM pada pokok akan membantu pertumbuhan sihat dan mereka akan menjadi lebih sihat untuk mengelakkan dari penyakit. Ia juga tidak perlu disembur racun serangga perosak atau baja kimia
- Sebagai pengganti pewangi untuk peti sejuk.
- Menambahkan EM ke dalam mangkuk tandas atau tangki air dapat mengelakkan daki dan paip tersumbat, dan juga mengelakkan tandas berbau.
- Menyembur EM ke dalam bonet kereta menambah kecekapan pembakaran gas disebabkan ia memberikan kesan anti karat dan tenaga gegaran tersendiri yang EM dapat hasilkan. Ini dapat menjimatkan kos tenaga.

Analisis SWOT

Kekuatan (Strengths)

- EM menceraikan kandungan aktif dalam tanah supaya zat mudah diserap oleh tanah. EM memanipulasi persekitaran untuk menjadi penyesuaian tanaman, sekali gus membenarkan tanaman untuk tumbuh dengan lebih baik daripada pertumbuhan normal.
- Tugas EM tertumpu pada actinomycetes, aktiviti ini menghapuskan serangga dan kuman, oleh itu boleh menjaga tanaman dari jangkitan.
- Salah satu masalah yang berkaitan dengan ternakan ialah bau yang busuk datang dari bahan kumuhan haiwan. Bau busuk ini boleh dihapuskan dengan menggunakan EM. Kumuhan tersebut boleh ditukar menjadi bahan organik yang berguna.
- Masalah kesihatan ternakan juga boleh diselesaikan dengan menggunakan air EM-activated. Kalau EM digunakan, serangga perosak dan lalat dapat dikurangkan secara drastik, menyediakan haiwan-haiwan ini dalam persekitaran yang sihat.

Kelemahan (Weaknesses)

- Ia tidak begitu terkenal di Malaysia, terutama di kalangan petani.
- Pengetahuan tak dijana oleh mana-mana syarikat untuk para petani.

Peluang (Opportunities)

- Rawatan najis menggunakan EM boleh membantu memperbaiki sistem perparitan. Dalam kes proses lumpur tebal yang diaktifkan, penyulingan senang dilakukan sehingga rawatan najis tidak diperlukan lagi untuk kegunaan rumah sebagai contoh rawatan sistem perparitan mono dapat dilakukan. Air yang telah dirawat akan menjadi air bersih.
- Dalam rawatan najis, palang-palang besi dan paip-paip logam senang menjadi karat disebabkan oleh pereputan tetapi penapaian EM menekankan pengerumunan kulat. Proses penapaian kadang kala membuang karat.
- Sampah-sarap yang datang dari isi rumah menjadi satu masalah besar untuk majlis perbandaran. Dengan menambah EM Bokashi kepada sampah akan dapat menukarkan ia menjadi baja untuk tanaman. Tidak ada bau busuk dari sampah, selepas dicampur dengan EM Bokashi.
- Masalah global seperti penebangan hutan dan tanah runtuh boleh dielakkan dengan penggunaan EM.
- Penggunaan EM dalam tanah dapat mengurangkan risiko tanah runtuh kerana ia boleh meningkatkan keupayaan tanah untuk memerangkap air. Ia membantu pokok untuk tumbuh di kawasan tanah runtuh dan

mengelakkan tanah kawasan tinggi dari runtuh.

- Tumbuh-tumbuhan digiatkan pertumbuhan dengan penggunaan EM yang mana memberikan kebolehan memrangkap air oleh tanah, dan dapat membaiki kualiti tanah.
- Air yang tak sesuai diminum boleh diproses dan dijadikan air bersih untuk diminum. Air lumpur yang merosakkan lanskap juga dapat dibersihkan.

Ancaman (Threats)

- Kesanggupan para petani menerima perubahan drastik terhadap kaedah pertanian tradisional yang lama diamalkan.
- Polisi kerajaan memperkenalkan bioteknologi dalam pertanian menyebabkan konflik dengan pendekatan ini.

Kajian Kes 6

Gambaran kes – Organic Network

Organic Network ditubuhkan untuk memasar dan mengedarkan barangan organik dari ladang. Ia mengedarkan barangan organik dari seluruh dunia. Selain daripada barangan tanaman, ia juga mengeluarkan makanan bayi, minuman, makanan ringan dan barangan tenusu.

Sejarah

Pertanian organik mula dijalankan oleh sebilangan kecil petani yang berminat pada pertengahan era 80-an, untuk menjalankan percubaan ini dan bukan dijalankan secara berkomersil. Biji benih baru telah ditemui dalam tahun 1987 apabila Pusat Persekitaran, Teknologi dan Pembangunan Malaysia (CETDEM) memulakan ladang percubaan sebesar 1 ekar di Sungai Buluh, berdekatan Kuala Lumpur. Ladang ini memberi tumpuan pada pelbagai sayuran dan buahan tempatan. Dalam beberapa tahun, produk dapat dijual melalui jualan langsung. Ia merupakan kejayaan pertama dalam penggunaan teknik pertanian organik. Pada 1995, Stephen Leong,



seorang saintis pertanian, menghasilkan baja organik dan pelembab tanah menggunakan kaedah Shimamoto. Dia membantu beberapa orang petani untuk menukarkan ladang mereka dengan menggunakan kaedah Shimamoto. Semenjak itu mereka tidak pernah menggunakan kaedah tradisional lagi. Ladang ini telah dikomersilkan, ini membuktikan bahawa ladang organik merupakan satu alternatif untuk menggantikan perladangan konvensional.

Pada Mac 1999, berdasarkan inisiatif yang disokong oleh Organic Network, 5 pakar ladang organik mendapat sijil dari KRAV di Sweden, sebuah badan IFOAM: iaitu yang pertama kali berlaku di Asia. Ini menunjukkan bahawa komitmen Organic Network dalam memastikan bahawa produk yang dijual adalah organik tulen dan mencapai tahap kualiti organik antarabangsa.

Pertimbangan Pemampanan

Misi Organic Network

Organic Network bukan hanya menjalankan perniagaan. Misinya ialah 'untuk mempromosikan penggunaan dan penerimaan barangan organik untuk kesihatan individu, kesejahteraan masyarakat dan perlindungan persekitaran.'

Nilai-nilai

Falsafah Organic Network bukanlah 'Bolehkah kita jual?', tetapi 'Patutkah kita jual?'. Polisi mereka ialah untuk menjual produk yang akan:-

- Ditanam secara organik jika boleh.
- Tidak menggunakan bahan perasa tiruan.
- Tidak menggunakan pewarna tiruan.
- Tidak menggunakan bahan kimia tambahan.
- Tiada iradiasi.
- Bebas daripada kekejaman.
- Minima proses.

Organic Network telah bekerja dengan para petani tempatan dan luar negara untuk memperkenalkan pertanian organik dan untuk membantu mendapatkan pengiktirafan antarabangsa. Ahli Organik merupakan ahli kepada Organic Trade Association, iaitu sebuah badan antarabangsa yang mempromosikan produk organik dan melindungi integriti piawaian organik.

Untuk mempromosikan mesej organik memerlukan komitmen dan kesediaan untuk berkongsi. Pekerja Organic Network adalah digalakkan untuk 'menggunakan barangan organik'. Sesi mencuba dan merasai makanan adalah satu aktiviti dan latihan dalam informasi yang berkhasiat dan pembangunan dalam pergerakan organik dibekalkan bersama-sama dengan perkhidmatan pengguna.

Penglibatan syarikat juga meliputi aktiviti kitar semula dan promosi falsafah hijau untuk meminimumkan kesan aktiviti komersil manusia ke atas persekitaran.

Melalui rangkaian penjualan, jualan terus dan pembelian melalui internet, Organic Network berupaya memberikan / menjual makanan yang baik, segar dan sihat dari seluruh dunia ke pasaran.

Analisis SWOT

Kekuatan (Strengths)

- Mempromosikan falsafah hijau untuk meminimumkan kesan buruk aktiviti manusia ke atas alam sekitar.
- Bekerjasama dengan para petani dalam menjalankan pertanian organik.
- Mempromosikan pemahaman pertanian organik dan kebaikan produk yang ditanam secara organik.
- Menggalakkan dan meningkatkan kitar biologi di antara sistem pertanian, melibatkan mikroorganismes, tanah, tanaman dan ternakan.
- Memasarkan dan mengeluarkan produk bukan makanan daripada sumber yang '*biodegradable*'.
- Menyediakan kemasukan kepada produk organik untuk ahli masyarakat.

Kelemahan (Weaknesses)

- Tidak meliputi seluruh kawasan Malaysia.
- Sesetengah tempat sahaja menjual produk/ makanan organik.
- Jika syarikat tidak dipantau, para petani mungkin akan didiskriminasi kerana syarikat ini merupakan 'orang tengah' atau agen pemasaran untuk petani organik.

Peluang (Opportunities)

- Menggalakkan persatuan pertanian organik untuk berfungsi berdasarkan garis demokratik dan prinsip bahagian kuasa.
- Mempromosikan perubahan gaya hidup ke arah keringkasan dan kepuasan diri.
- Mengeluarkan makanan yang berkhasiat tinggi dalam kuantiti yang memuaskan.
- Boleh jadi pemangkin pembangunan untuk rantai produksi organik yang hanya bertanggungjawab sosial dan tanggungjawab ekologi.

Ancaman (Threats)

- Satu persoalan sama ada para petani akan menerima syarikat sebegini yang bertindak sebagai orang tengah untuk produk organik.
- Dengan tidak memusnahkan harapan jangka masa panjang, syarikat ini akan mengekalkan sasaran masyarakat selain dari menuju ke arah faedah motivasi.

Kajian Kes 7

Gambaran kes – Integrated Farms of Kampung Sungai Serai

Sungai Serai ialah sebuah kampung yang terletak di Gombak, Selangor, di mana sistem pertanian dan pertanian organik akan dilatih. Latihan untuk sistem pertanian dan penternakan haiwan dijalankan dalam satu jangka masa yang panjang.

- Memuaskan keperluan pemakanan manusia dan keperluan serabut,
- Meningkatkan kualiti persekitaran dan sumber semulajadi berdasarkan pertanian ekonomi yang dipilih,
- Menggunakan sumber lama dengan sepenuhnya dan sumber di ladang, yang berkenaan, kawalan dan kitaran biologi semulajadi, dan
- Menggunakan kebolehan ekonomi operasi pertanian dan meningkatkan kualiti kehidupan untuk petani dan keseluruhan persatuan.

Latarbelakang langkah pembaikan pertanian di Sungai Serai

Kampung Sungai Serai terletak 5 km dari Kuang, pekan terdekat. Kampung ini dikategorikan sebagai kawasan tanah rendah. Aktiviti utama kampung ini dan juga kampung-kampung berhampiran adalah pertanian.

Tiada musim-musim tertentu, tetapi bekalan air selalunya rendah pada Mac dan April. Jenis tanah yang terdapat di kampung ini ialah tanah liat. Tanah ini dapat menampung air dan sesetengah jenis nutrien supaya kehilangan bahan-bahan penting dapat dikurangkan. Tanah ini sesuai untuk tanaman sayur-sayuran dan tanaman pertanian yang lain.

Kebanyakan penduduk miskin di Sungai Serai tidak memiliki tanah sendiri dan hidup dalam serba ketakutan kerana bimbang pihak berusaha akan mengambil tindakan. Mereka tidak mendapat bekalan elektrik, air yang bersih dan sistem penjagaan kebersihan awam secara umumnya yang secukupnya taraf hidup mereka adalah rendah.

Terdapat 1750 penduduk yang mendiami 205 buah rumah di kampung ini. Sebanyak 10% dari jumlah populasi ini terdiri daripada wanita yang memainkan peranan yang penting dalam pertanian. Ketika kajian ini diselesaikan pada tahun 2001, sebanyak 20% dari golongan penduduk berusia di bawah 21 tahun. Kanak-kanak meliputi 10% dari populasi ini. Majoriti petani terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah dan menjalankan pertanian bagi mengisi masa lapang. Mereka menghasilkan tanaman makanan dan menjual hasilnya di pasar.

Kampung ini terletak berhampiran dengan pekan kecil Kuang di mana kebanyakan penduduk dari kawasan Sungai Serai akan pergi membeli-belah ketika cuti musim petani.

Sistem perhubungan kekeluargaan tradisional digambarkan oleh 1 atau 2 orang kaum lelaki dari satu keluarga yang akan keluar bekerja untuk mencari pendapatan.

Corak tanaman di Kampung Sungai Serai

Jadual 1.0 : Corak Tanaman di Kampung Sungai Serai

Sayur-sayuran	<ul style="list-style-type: none"> - Terung - Daun Kari - Cili padi - Kasturi - Kacang bendi - Daun pandan - Sayur manis - Daun selum 	<ul style="list-style-type: none"> - bunga kantan - timun - cili besar - lengkuas - kacang panjang - pegaga - serai
<p><i>Jumlah kawasan = 40 ekar</i> <i>Pertanian campuran diamalkan</i> <i>Hasil : Sayuran</i></p>		
<hr/>		
Tanaman akar	<ul style="list-style-type: none"> - ubi kayu - Halia - ubi keledek 	<ul style="list-style-type: none"> - kunyit - kacang tanah
<p><i>Tuaian kitaran</i> <i>Tuaian campuran</i> <i>Jumlah kawasan = 11 ekar</i> <i>Hasil : Tanaman akar</i></p>		

Buah-buahan

- pisang
- durian
- betik
- ciku
- mangga
- rambutan

Jumlah kawasan : 180 ekar

Tuaian campuran

Sesetengah kawasan – Penuaian mono

Hasil dijual di pasar, rumah ke rumah dan juga untuk kegunaan sendiri.

Hasil : Buah-buahan

Bunga

- Ros
- Cempaka

Jumlah kawasan : satu ekar

Penuaian campuran

Apabila Cempaka mekar dari Mac hingga Julai, ia dipetik 2 kali sehari jika tidak sehari sekali.

Hasil : Bunga

Ternakan

- Ayam : pertanian percantuman dengan sayur-sayuran dan pokok buah-buahan

Production : daging dan telur

- Itik : pertanian percantuman dengan sayur-sayuran dan pokok buah-buahan

Hasil : telur masin, daging dan telur itik segar

- Anak lembu separa cantum dengan minyak kelapa sawit.

120 – 150 lembu perahan susu

Hasil : Daging, susu

Penternakan ikan

- ikan talapia
- ikan haruan
- udang galah
- ikan kalui
- ikan hantu

Polyculture

Jumlah kawasan = 10 ekar

6 kolam ikan di dalam kampung tersebut

Ikan-ikan adalah untk kegunaan sendiri dan juga untuk dijual.

Hasil : ikan, udang

Table 1.1 Farming system in Kampung Sungai Serai

Sistem pertanian	Produk	Lokasi atau teknik
Akuakultur	Ikan dan makanan laut	Kolam
Perkebunan	Sayuran, buah-buahan	Taman rumah dan pertanian campuran
Ternakan	Susu, telur, daging	Kawasan terbuka, tanaman
Perhutanan agro	Buah-buahan dan kacang	Dusun kecil, taman rumah
Lain-lain	Pokok hiasan, herba, bunga, pokok ubat	Taman rumah dan pertanian campuran

Analisis SWOT

Kekuatan (Strengths)

- Sesetengah petani tidak bergantung kepada orang lain, mereka menanam dan menjual hasil tanaman mereka sendiri.
- Mereka mempelbagaikan pengeluaran tanaman baru untuk mewujudkan pekerjaan dan pendapatan yang baik.
- Pertanian yang diuruskan dengan baik memberi keuntungan yang besar jika dibandingkan dengan jiran petani yang menggunakan struktur yang sama.
- Pertanian mampan adalah salah satu cara untuk meningkatkan pendapatan petani. Harga mungkin akan meningkat bagi makanan organik sementara input yang rendah akan memberi kos yang efektif bagi jangka masa panjang.
- Dengan menggunakan kaedah pertanian mampan, petani boleh berjimat dari segi kos buruh dan input serta meningkatkan kualiti persekitaran supaya mereka boleh mencipta produk yang selamat untuk dimakan.
- Kedua pertanian organik dan pembaharuan pertanian akan memberi sumbangan penting kepada ekonomi dan persekitaran pedalaman. Dengan sokongan polisi untuk pertanian mampan, akan terjadi perbelanjaan lebih terhadap perkhidmatan, pengambilan pekerja di ladang dan perniagaan makanan dan menambah lebih nilai kepada produk pedalaman.
- Sistem ini mengurangkan kemusnahan persekitaran, mengekalkan produktiviti pertanian, mempromosi keadaan ekonomi dan mengekalkan kestabilan komuniti pedalaman serta kualiti kehidupan.

Kelemahan (Weaknesses)

- Dari corak tanaman di atas, tidak ada tanaman bijirin di kampung ini yang bermakna penduduk tempatan terpaksa membeli beras.
- Hasil pengeluaran mereka tidak stabil dan harga makanan tani adalah bergantung kepada musim.
- Walaupun para penduduk boleh menghasilkan tanaman, buah-buahan, haiwan ternakan atau ikan yang berlainan tetapi hasil keluaran ini tidak dapat untuk memenuhi keperluan para penduduk kampung kerana mereka masih perlu pergi ke pasar.
- Kekurangan bijirin di kampung ini menyebabkan penduduk perlu membeli beras di pasar terdekat atau menggantikannya dengan tanaman akar seperti ubi kentang atau keladi untuk keperluan tenaga badan.
- Ibubapa tidak menggalakkan anak-anak mereka untuk menjadi petani kerana mereka merasakan pendapatan petani adalah rendah, kerjanya kotor dan susah khususnya pada musim panas.

Peluang (Opportunities)

- Sistem pertanian yang baik akan memberi pengeluaran yang tinggi dengan input yang rendah. Ini akan meningkatkan pendapatan petani dan kehidupan mereka akan berubah.
- Kelab petani boleh ditubuhkan bagi menggalakkan petani untuk bekerjasama dalam kumpulan dan menggalakkan komunikasi di antara petani-petani.
- Koperasi petani juga boleh ditubuhkan untuk meningkatkan kemampuan aktiviti pertanian dengan mengurangkan kos input atau meningkatkan keuntungan, demekian mengurangkan risiko.
- Dengan menyertai koperasi, pekerja akan memperolehi sokongan teknikal dan enterpris, bekalan input dan pasaran. Koperasi menyenangkan kemasukan petani kecil ke pasaran yang tidak mudah untuk dimasuki.

Ancaman (Threats)

- Sistem jalan ini kurang dibangunkan, merbahaya dan ia memberi kesan kepada pemasaran produk.
- Tanah ladang menghadapi persaingan sengit dari perbandaran, industri-industri dan pengguna lain.
- Sebahagian dari tanah ialah kawasan tanaman tunai iaitu kelapa sawit.
- Sesetengah tempat dilanda banjir kilat sekiranya hujan turun tanpa berhenti-henti selama 2 jam atau lebih dan akibatnya ialah kehilangan tanaman dan haiwan ternakan.
- Kebanyakan petani mempunyai pendidikan setakat sekolah rendah dan menengah sahaja dan ada juga yang tidak berpendidikan langsung. Ini

mewujudkan masalah komunikasi sekiranya pekerja menyambung pertanian.

- Belia tidak berminat dengan pertanian. Pada masa depan, kampung terpaksa membeli makanan dan bergantung kepada makanan yang dijual pada harga pasaran. Tiada jaminan keselamatan makanan pada masa akan datang.

Kajian Kes 8

Gambaran Kes – Credit Union Promotion Club Malaysia

Penyataan visi oleh Credit Union Promotion Club Malaysia ialah: 'dapat hidup bersendirian, mampan, mampu bersaing, institusi kewangan yang berlandaskan komuniti memberi respon kepada keperluan setiap ahli dan dibantu oleh prinsip dan nilai koperasi.

Pernyataan misi:

Untuk memperbaiki kesejahteraan ekonomi sosial ahli lelaki dan perempuan ialah dengan menyediakan mereka perkhidmatan kewangan yang cemerlang pada harga dan kualiti yang terbaik.

Matlamat atau objektif:

- Untuk mencapai minimum 70,000 orang ahli menjelang tahun 2005.
- Untuk meningkatkan simpanan ke RM10 juta menjelang 2005.
- Meningkatkan amaun pinjaman ke RM 8,000 dan mengimplimentasi gadaian dan pinjaman pegguna.
- Untuk mengambil minimum 3,000 ahli untuk program insuran kesihatan dan memberi perkhidmatan insuran umum kepada ahli dan bukan ahli.
- Untuk mengurangkan kadar jenayah jувana dalam komuniti kurang dari 5% menjelang tahun 2005.

Aktiviti-aktiviti Credit Union:

- Menyediakan insuran kumpulan kepada para ahli.
- Menjalankan 3 tadika komuniti untuk membantu meningkatkan pendidikan anak-anak para ahli.
- Insuran kesihatan telah diperkenalkan pada tahun 1999, melalui MOU yang ditandatangani di antara Credit Union dan Koperasi Kredit Pekerja (KKP).
- Credit Union Promotion Club Malaysia mengadakan 2 bengkel pengurangan kebuluran dengan sokongan Asean Credit Cooperative Union (ACCU) di Kuala Lumpur. Garis panduan polisi dan rancangan tindakan telah dibangunkan. Sasaran mereka adalah buruh kanak-kanak, pengabaian orang tua oleh anak-anak sendiri, ibu tunggal tanpa aset, balu, orang kurang

upaya, orang asli, kesusahan estet dan anak yatim.

- Credit Union juga membangunkan program kewangan mikro melalui satu seminar ACCU yang diadakan di Kuala Lumpur pada 1997.
- Latihan Kesensitifan Jantina (*Gender Sensitivity Training*) – Program jantina dan Pembangunan telah masuk ke fasa kedua rentetan dari fasa pertama, yang mana telah diadakan di antara 1991 – 1997.
- Perpaduan belia ke dalam Credit Union menjadi rasmi pada 29 April 1990 apabila 350 belia menghadiri Credit Union National Youth Convention yang pertama.
- Skim lain yang menarik ialah dana pendidikan, yang telah dilancarkan pada 1989. Anak-anak lebih dari 600 ahli telah menerima pinjaman tanpa faedah untuk pengajian tinggi (vokasional, teknik, universiti) dalam dan luar negara. Sebanyak 200 orang telah pun menghabiskan kursus mereka.
- Credit Union telah melancarkan skim dana kebajikan untuk diberikan kepada para ahli sebagai bantuan jika bencana alam terjadi seperti banjir dan kebakaran, dan juga semasa kecemasan perubatan keluarga atau apabila berlaku kematian dalam keluarga.
- Dana Kebajikan Sukarelawan telah dilancarkan pada 1992. Sejumlah RM 150,000 telah diberikan kepada ahli-ahli yang mengalami kesusahan sebagai bantuan atau pendahuluan pada tahun 2000.
- Faedah persaraan telah diperkenalkan pada tahun 1993. Ahli yang mencapai usia 55 tahun yang menyertai Credit Union untuk tidak kurang daripada 5 tahun boleh memohon untuk dana.
- Kejayaan persatuan koperasi ialah melalui pendidikan dan latihan yang konsisten. Latihan yang dimaksudkan termasuklah kelas pra-keahlian, kursus pemimpin kawasan, latihan pengurusan, prosedur perakaunan dan perjumpaan sosial, seminar dan bengkel.

Kajian kes ini dikategorikan sebagai pembangunan mampan kerana dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti sebegini, Credit Union dapat membantu keluarga pedalaman yang miskin untuk mendapat bantuan kewangan dengan mudah. Pihak bank tidak memberi mereka pinjaman kerana mereka tidak mampu menyediakan jaminan keselamatan atau surat-surat berkaitan, semasa memohon untuk pinjaman.

Analisis SWOT

Kekuatan (Strengths)

- Berasaskan komuniti, jadi banyak aktiviti pendekatan pemusatan masyarakat dijalankan.
- Mempromosikan barangan kebiasaan komuniti.
- Menyokong kepelbagaian bangsa dan budaya dalam komuniti.

Kelemahan (Weaknesses)

- Hanya melibatkan sesetengah bangsa dan tidak dikembangkan secara meluas ke tempat lain.
- Tidak ada usaha yang diambil untuk membina kesedaran dalam isu persekitaran.
- Seseorang itu perlu bayar untuk menjadi ahli bagi membolehkannya menikmati faedah.
- Tidak melibatkan kesemua ahli keluarga dalam aktiviti.

Peluang (Opportunities)

- Boleh dibangunkan menjadi kesatuan yang lebih besar dengan menjemput lebih ramai orang dari bangsa lain untuk menyertai.
- Kesamaan jantina adalah dipromosikan dengan pengenalan program GST untuk ahli.
- Pertukaran ide terhadap isu-isu yang mengambil berat terhadap perkara mutual adalah digalakkan.

Ancaman (Threats)

- Mencabar untuk mewujudkan satu persatuan kredit di tempat-tempat tertentu tanpa kebenaran dari mana-mana pihak berkuasa.
- Respon yang lemah dari komuniti terhadap pasaran kepimpinan dalam satu kesatuan kredit disebabkan oleh masyarakat hari ini kurang berminat dengan kerja sukarela.

Kesimpulan

Ini adalah beberapa contoh pekerjaan projek pembangunan mampan yang dijalankan di negara kita. Banyak kejayaan telah diperolehi melalui kerja keras dan komitmen dari juru runding dan ketua projek.

Pembangunan mampan adalah untuk kebaikan manusia dan bumi. Amalan-amalan ini dapat membantu memelihara bumi dan menyimpannya dalam keadaan baik untuk generasi akan datang.

Semua inisiatif merupakan inisiatif individu, komuniti dan sektor swasta kecuali untuk Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam. Kerajaan akan memerlukan lebih pemimpin untuk menggalakkan dan aktiviti untuk membangunkan pembangunan mampan di negara ini.

Bagi sokongan tempatan, kerajaan dapat memastikan semua NGO yang terlibat dengan aktiviti kawasan-kawasan ini akan berbesar hati untuk memberi bantuan dalam apa jua keadaan.

NGO boleh mendapatkan kerjasama komuniti tempatan dalam aktiviti yang lebih baik untuk projek kitar semula. Menyediakan tong sampah untuk membuang barang-barang yang tidak berguna adalah tidak mencukupi. Satu organisasi seperti FOMCA telah berjaya meningkatkan kesedaran mengenai bahan pembuangan melalui aktiviti-aktiviti pertandingan melukis poster.

Melalui inisiatif serta sokongan dari kerajaan, agensi yang berkaitan dan persatuan sivil telah bekerjasama untuk membantu Malaysia bergerak ke arah pembangunan dan penggunaan mampan.

ERA Consumer

Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna-Pengguna Malaysia (ERA Consumer Malaysia) adalah sebuah organisasi sukarela dan bersifat bukan politik. Ditubuhkan di Ipoh, Perak pada tahun 1985, badan yang berdaftar dibawah Akta Pertubuhan Malaysia 1966 ini berperanan mempromosi dan menjalankan aktiviti-aktiviti kritikal yang berkaitan dengan masyarakat awam.

ERA Consumer adalah sebuah institusi dinamik yang sering memberikan respon dan memperluaskan perkhidmatannya mengikut kehendak dan permintaan masyarakat. ERA Consumer Malaysia mempunyai visi untuk mewujudkan masyarakat yang mampu berdikari dan terbabit secara aktif dalam usaha melindungi kepentingan pengguna sebagaimana mereka melindungi diri sendiri, di samping mengamalkan corak hidup dan penggunaan mampan dan bertindak secara adil dalam mengawal proses pentadbiran.

Ia juga berperanan dalam memberi kesedaran kepada orang ramai dalam isu-isu yang menekan kehidupan mereka melalui penyelidikan dan program pendidikan. ERA Consumer terbabit dalam membina perpaduan dan persefahaman dengan badan-badan bukan kerajaan lain di Malaysia; mengeratkan hubungan Selatan-Selatan dan persefahaman Utara-Selatan. Komponen dan program utama ERA Consumer adalah penyelidikan, pendidikan dan perlindungan pengguna, pentadbiran bertanggungjawab dan pendidikan hak-hak asasi manusia serta pertanian mampan, jaminan makanan dan pembangunan pedalaman.

Diterbitkan oleh:

**PERSATUAN PENDIDIKAN DAN
PENYELIDIKAN UNTUK
PENGGUNA-PENGGUNA MALAYSIA
(ERA CONSUMER MALAYSIA)**

No 24, Jalan SS1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel (603) 7877 4741, 7876 4648

Faks (603) 7873 0636

Emel eracons@po.jaring.my

Laman Web www.eraconsumer.org

ISBN : 983-2518-32-6

Edisi : April 2003

Dicetak oleh : Syarikat Asas Jaya

ISBN 983-2518-32-6



9789832518327